

---

## Laras Bahasa Dalam ‘Aplikasi Facebook Polis Daerah Penampang’

*Language Register In ‘Facebook Application Polis Daerah Penampang’*

Putri Nur Hanissha Hasyim  
<sup>1</sup>Harishon Radzi

Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence e-mel: <sup>1</sup>naslin@ukm.edu.my

### ABSTRAK

*Laras bahasa merupakan salah satu topik yang meluas difokus sebagai tajuk kajian dalam bidang linguistik kerana pelbagai aspek boleh disentuh yang melibatkan pelbagai data. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk memaparkan laras bahasa yang digunakan dalam laman Facebook Polis Daerah Penampang, Sabah, negeri di bawah Bayu. Kajian ini menggunakan pendekatan Ure & Ellis sebagai panduan untuk memastikan data yang dikumpul dapat dianalisis secara tepat dan sahih. Objektif kajian ini ialah i) mengenal pasti laras bahasa yang digunakan dalam laman Facebook Polis Daerah Penampang berdasarkan teori Ure & Ellis; ii) mengklasifikasikan ciri keperihal berdasarkan teori Ure & Ellis. Kaedah kajian melibatkan kajian teks iaitu mendapat data melalui posting-posting yang dimuat naik di laman Facebook Polis Daerah Penampang sebagai sumber data utama terutamanya berkaitan fenomena pandemik Covid-19. Hasil kajian mendapati bahawa laman Facebook Polis Daerah Penampang ini menggunakan laras biasa dan laras berita dalam menyampaikan maklumat-maklumat di setiap posting yang dilakukan. Kajian ini membuktikan wujudnya latar budaya masyarakat negeri Sabah kerana Penampang merupakan salah sebuah daerah di negeri Sabah.*

**Kata Kunci :** Laras bahasa, kosa kata, pandemik, Facebook, Covid-19

### ABSTRACT

*Language register is one of the topics that is widely focused as a research topic in the field of linguistics because of the various aspects that can be explored that involve various of data. This study was conducted to show the language register used in the Facebook page of Polis Daerah Penampang, Sabah. This study used the Ure & Ellis theory as a guide to ensure that the data collected can be analysed accurately and reliably. The objectives of this study are i) to identify the language register used in the Facebook page of Polis Daerah Penampang based on Ure & Ellis theory; and ii) to classify the descriptive features based on Ure & Ellis theory. The research method involves a text study by obtaining the data through posts uploaded on the Polis Daerah Penampang Facebook page especially related to the Covid-19 pandemic phenomenon as the main source of data. The results of the study found that the*

---

*Polis Daerah Penampang Facebook page uses the normal register and news register in conveying the information in every post made. This study proves the existence of the cultural background of the people of Sabah because Penampang is one of the districts in Sabah.*

**Keywords:** Register, vocabulary, pandemic, Facebook, Covid-19

## 1. Pengenalan

*Kamus Dewan Edisi Ke-4* telah menjelaskan definisi morfologi adalah sebagai kajian tentang pembentukan kata dalam sesuatu bahasa, termasuk infleksi, terbitan dan pemajmukan. Morfologi sering juga dikaitkan dengan kajian tentang struktur dan bentuk sesuatu kata. Takrifan yang dibuat secara general menyatakan bahawa morfologi tertumpu kepada kata. Struktur kata di sini bermaksud susunan bentuk bunyi ujaran atau lambang tulisan yang menjadi unit tatabahasa yang bermakna. Antara aspek linguistik yang terdapat dalam bidang morfologi ini ialah laras bahasa.

Laras bahasa merupakan aspek yang penting dalam bidang bahasa dan kajian linguistik. Laras bahasa menurut Asmah Haji Omar (1984), laras bahasa ialah khusus dalam penggunaan bahasa menurut bidang penggunaannya. Menurut beliau lagi, bahasa yang digunakan dalam bidang keilmuan tertentu memperlihatkan beberapa perbezaan daripada bahasa yang digunakan dalam ilmu yang lain. Perbezaan yang wujud bukanlah perbezaan sistem bahasa tetapi kesukaran boleh terjadi dalam pemahaman konsep-konsep yang mengandungi istilah-istilah tertentu atau khusus yang digunakan dalam ilmu berkenaan. Dalam bahagian ini akan menerangkan tentang kajian laras bahasa yang dilakukan di salah satu laman sosial aplikasi iaitu *Facebook*.

*Facebook* merupakan salah sebuah aplikasi yang terdapat dalam laman sosial yang sangat terkenal dalam kalangan pengguna masa kini. Pada tahun 2003, *Facebook* diasaskan oleh Mark Zuckerberg bersama beberapa rakannya iaitu Eduardo Saverin, Dustin Moskovitz dan Chris Hughes. ("Sejarah dan Fenomena Facebook Usahawan.com" 2021). Kajian laras bahasa boleh dilakukan dengan meneliti dan memerhati laras bahasa yang terdapat dalam laman sosial *Facebook* ini. Bagi menjayakan kajian ini, pengkaji memilih laras bahasa yang digunakan dalam halaman *Facebook* Polis Daerah Penampang. Hal ini adalah kerana halaman ini mempunyai latar belakang sosial yang menarik. Justeru, maklumat data tentang kajian laras bahasa ini boleh diperolehi dengan mudah bagi mendapatkan hasil kajian yang berkualiti dan tepat. Perkara tersebut juga selaras dengan aliran moden pada zaman kini di mana rata-rata daripada masyarakat giat dan aktif dalam akaun laman sosial masing-masing khususnya *Facebook*.

Selain itu, halaman *Facebook* Polis Daerah Penampang ini sangat mempunyai kaitan dengan Korona Virus yang kini melanda seluruh dunia. Oleh itu, kajian laras bahasa yang dilakukan juga berkait rapat dengan Korona virus ini. Korona Virus atau Virus Korona ialah sekumpulan virus berkaitan yang juga merupakan penyebab bagi penyakit di kalangan haiwan mamalia dan burung. Virus-virus ini berupaya menjangkiti manusia bermula dengan simptom-simptom jangkitan saluran pernafasan yang ringan seperti selesema biasa sehingga penyakit yang boleh membunuh seperti *Covid-19*. Oleh hal yang demikian, laras bahasa ini berkait rapat dengan Korona Virus. Secara umumnya, hasil kajian laras bahasa yang digunakan dalam halaman Polis Daerah Penampang ini dapat membuatkan masyarakat lebih mengetahui tentang laras bahasa yang sesuai dan menarik yang digunakan dalam halaman tersebut.

---

## 2. Sorotan literatur

Penelitian terhadap kosa ilmu lepas menunjukkan topik laras bahasa memang menjadi tarikan beberapa kajian. Antara kajian tersebut ialah kajian yang dilakukan oleh Che Ibrahim bin Salleh (2015) yang bertajuk resepi masakan Melayu iaitu Tom Yam dengan sashimi. Kajian ini dapat membantu pengkaji memandangkan kajian ini juga menggunakan pendekatan yang sama dengan pengkaji iaitu pendekatan Ure & Ellis (1997). Kajian ini tertumpu kepada ciri-ciri keperihalan dan ciri-ciri linguistik di mana ia mempunyai persamaan dengan kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Oleh itu, persamaan ini dapat membantu pengkaji memantapkan lagi kajian. Hasil dapatan yang dapat diperolehi daripada kajian ini ialah teks ini bersifat formal dan tidak ada unsur peribadi. Keformalan teks ini adalah antara penulis resepi atau tukang masak dengan pembaca atau orang yang bakal memasak. Oleh yang demikian, hubungannya terlalu formal dan tidak menampakkan sebarang bentuk kemesraan.

Seterusnya, kajian oleh Mohd Shahremy Ikmah Shahbudin (2019) mempunyai persamaan topik kajian iaitu mengenai pandemik *Covid-19*. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif berbentuk analisis kandungan berpandukan kepada kaedah yang disarankan oleh Krippendorff, (1980); Neuendorf, (2017); Boréus dan Bergström, (2017) dengan menggunakan data daripada *Facebook*. Data yang digunakan dalam kajian ini telah diperoleh daripada kiriman di laman peribadi pengguna *Facebook* dan dipilih secara rawak oleh pengkaji di antara bulan Disember 2019 sehingga Mac 2020, iaitu ketika bermulanya penyebaran virus *Covid 19*. Oleh hal demikian, kajian ini juga boleh membantu pengkaji kerana ia juga mengambil data daripada *Facebook*. Selain itu, kajian oleh Muchammad Bayu Tejo Sampurno, Tri Cahyo Kusumandyoko dan Muh Ariffudin Islam (2020) tertumpu kepada pengetahuan masyarakat mengenai *Covid-19* melalui media sosial sepanjang wabak ini berlaku. Kajian ini membantu pengkaji dalam mengumpulkan data dan maklumat mengenai *Covid-19* kerana topik kajian yang dijalankan adalah sama. Kaedah kajian yang dipilih bagi melaksanakan kajian ini adalah kualitatif dengan menggunakan pendekatan virtual etnografi. Batasan kajian yang dipilih hanyalah tertumpu kepada penelitian media sosial yang dipilih, iaitu *Twitter* dan *Instagram*. Terdapat banyak perbezaan kajian pengkaji dengan kajian-kajian lepas yang telah dijalankan. Walau bagaimanapun, kekurangan dan kelompongan kajian lepas ini dapat menjadikan kajian pengkaji lebih menarik lagi.

## 3. Metodologi kajian

Dalam kajian ini, pengkaji memfokuskan tentang aspek laras bahasa yang menggunakan pendekatan Ure & Ellis (1997). Pengkaji melakukan pembacaan yang setiap data yang diambil adalah mengikut pendekatan Ure & Ellis bagi mengelakkan pengkaji mengambil data yang tidak tepat. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif yang berbentuk analisis kandungan dengan menggunakan data-data yang diambil daripada *posting* yang dimuatnaik oleh pihak pentadbir yang mengawal laman *Facebook* Polis Daerah Penampang seperti mana yang disarankan oleh Krippendorff (1980), Neuendorf (2017) dan Boreus dan Bergstrom (2017) dalam Shahremy Shahbudin (2020). Data yang diperoleh ini adalah data tulisan elektronik yang dilakukan oleh pihak pentadbir tersebut melalui media sosial *Facebook* yang senang diakses oleh setiap pengguna di Malaysia.

Selain itu, pengkaji juga menetapkan tempoh masa proses pengumpulan data tersebut di mana data-data yang diperoleh adalah di antara bulan Disember 2020 sehingga April 2021.

---

Hal ini adalah kerana pengkaji ingin memastikan data yang diambil adalah bersifat baru dan terkini.

#### 4. Dapatan kajian dan Perbincangan

Bab ini akan mengemukakan hasil analisis data dan perbincangan yang lebih terperinci bagi tujuan menjelaskan laras bahasa yang digunakan serta yang boleh didapati di dalam halaman *Facebook* data kajian utama iaitu laman Polis Daerah Penampang. Segala data yang diperolehi akan dipaparkan dengan lebih jelas dalam bentuk jadual di bawah. Segala data yang diambil adalah seratus-peratus daripada halaman tersebut dengan mengekalkan keasliannya. Hal ini adalah untuk memastikan sumber yang diperoleh bagi kajian yang dijalankan ini adalah tepat dan sahih.

Hasil daripada data yang diperoleh dapat menjelaskan laras bahasa yang digunakan oleh anggota polis daerah Penampang serta penduduk di kawasan sana. Selain itu, hasil daripada data ini dapat menghuraikan ciri-ciri keperihalan yang meliputi situasi luaran dan juga situasi persekitaran masyarakat di daerah Penampang.

##### 4.1 Pemaparan dan Analisis Data (*Ciri-Ciri Keperihalan*)

Bahagian ini membincangkan mengenai pemaparan dan analisis data dalam aspek linguistik berdasarkan laras bahasa yang telah ditemui di laman *Facebook* Polis Daerah Penampang. Untuk lebih jelas lagi, bahagian ini akan memfokuskan kepada ciri keperilahan iaitu dari segi situasi luaran dan persekitaran. Seperti yang diketahui, penampang adalah merupakan salah satu daerah yang terdapat di pantai barat negeri Sabah. Catatan statistik bacian penduduk pada tahun 2010 menunjukkan penduduk Penampang adalah terdiri daripada 93,616 penduduk dan sebilangan besar daripada penduduk di sana adalah etnik Kadazan-Dusun. Kadazan-Dusun majoritinya mengamalkan agama Kristian. Penduduk Cina di sana mengamalkan agama Budha manakala penduduk Melayu dan Bajau pula beragama Islam.

###### 4.1.1 Perincian mengenai situasi luaran

Menurut pendekatan Ure & Ellis (1997), Ciri-ciri keperihalan ialah ciri-ciri luaran yang terdapat dalam sesuatu peristiwa bahasa dan mereka telah membahagikan ciri kerihalan ini kepada dua bahagian, iaitu situasi luaran dan situasi persekitaran. Situasi luaran ialah latar belakang sosial dan budaya sesebuah masyarakat bahasa yang merangkumi struktur sosial dan keseluruhan cara hidup masyarakat yang menentukan pelakuan anggota masyarakat. Jika dilihat daripada laman *Facebook* Polis Daerah Penampang ini, bahasa Sabah yang digunakan oleh penduduk tersebut mempunyai persamaan dengan bahasa Melayu standard, namun terdapat perbezaan dalam perkataan-perkataan tertentu, penggunaan perkataan serta cara penyampaianya. Perbezaan ini ialah hasil daripada pengaruh bahasa-bahasa tempatan seperti bahasa Kadazan, bahasa Bajau dan banyak lagi.

Jadual 1 : Contoh informasi dalam *facebook* Polis Daerah Penampang

### PKP 3.0 : OPERASI PEMATUHAN DIPERKASA, MKN SABAH TURUN PADANG KE DAERAH PENAMPANG

Penampang, 11 Jun 2021 - Majlis Keselamatan Negara (MKN) Negeri Sabah ‘turun padang’ ke Daerah Penampang bagi memperkasakan lagi pemantauan terhadap pematuhan SOP Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 yang telah dikuatkuasakan. Operasi kali ini diketuai oleh Ketua Penolong Pengarah (KPP) Operasi, MKN Sabah, Tuan ACP Shahrir Daud bersama Penolong Pengarah Seksyen Operasi, DSP Syazwan Abdullah telah membuat pemantauan di beberapa premis sekitar Daerah Penampang bagi melihat sendiri tahap pematuhan di daerah ini.

Rombongan MKN Sabah turut mengadakan kunjungan hormat ke atas Ketua Polis Daerah Penampang, DSP Mohd Haris Hj Ibrahim.

Team operasi juga telah dibawa melawat ke beberapa lokasi sekatan jalan raya (SJR) bagi melihat secara dekat kesiapsiagaan anggota-anggota di lapangan ketika menjalankan tugas.

Warga IPD Penampang juga tidak terkecuali menjalani pemeriksaan berhubung pematuhan mengimbas QR Code aplikasi MySejahtera dan rakaman suhu apabila memasuki premis polis.

Umum mengetahui MKN adalah sebuah agensi yang terletak di bawah Jabatan Perdana Menteri iaitu berfungsi sebagai peneraju untuk menyelaraskan dasar berkaitan dengan keselamatan negara.

Kolaborasi penugasan MKN Sabah dan IPD Penampang memberikan impak yang besar dalam menangani isu pandemik Covid-19 secara proaktif.

Seluruh warga kerja IPD Penampang merakamkan jutaan terima kasih kepada Majlis Keselamatan Negara Negeri Sabah kerana telah mengadakan lawatan ke Daerah Penampang.

Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan(PKPD) : Lorong Pasir Puteh 1, Taman Pasir Puteh 1, Sabah dilaksanakan dilaksanakan bermula 1 Jun-14 Jun. Infografik : Kementerian Kesihatan Malaysia.

### PKP 3.0 : BARIKADE SIMEN DIDIRIKAN HALANG SI PEMBOLOS JALANAN

Penampang, 10 Jun 2021 - Barikade dari struktur simen telah diletakkan di salah satu arah Pusingan ‘U’ bagi menghalang segelintir pengguna jalan raya yang masih ingkar dengan bertindak mengalihkan kon dan garisan polis untuk melalui kawasan yang disekat.

Taktik si pembolos jalanan ini dapat dihidu apabila tinjauan mendapati beberapa garisan polis diputuskan dan kon dialihkan bagi membolehkan mereka melalui kawasan tersebut. Ketua Polis Daerah Penampang DSP Mohd Haris Hj Ibrahim dan Ketua Bahagian Logistik dan Teknologi (KBLog) Insp Tuanku Sharif Hj Wan Ahmad telah berada di lokasi sepanjang pemasangan barikade simen di lokasi Pusingan ‘U’ Jalan Penampang Bypass Kota Kinabalu - Penampang.

Berdasarkan jadual 1, kajian mendapati bahawa pentadbir laman *Facebook* Polis Daerah Penampang sangat aktif memuat naik maklumat serta informasi terkini mengenai isu-isu semasa yang berlaku dan dijalankan di daerah Penampang. Dalam kebanyak situasi pemakluman, medium bahasa yang digunakan adalah dalam bentuk formal bertujuan untuk memudahkan kefahaman pembaca. Selain itu, ia juga bertujuan untuk membezakan antara hal-hal rasmi ataupun tidak rasmi. Oleh itu, pembaca boleh mendapatkan informasi yang pantas selain daripada sumber berita di siaran televisyen, radio mahupun akhbar.

#### 4.1.2 *Perincian mengenai situasi persekitaran*

Berdasarkan pendekatan Ure & Ellis (1997), Situasi persekitaran mencakupi aspek-aspek yang terlibat secara langsung dalam penggunaan bahasa dan menurut mereka, situasi persekitaran terangkum di dalamnya empat aspek penting iaitu cara penyampaian, hubungan sosial dan peribadi, bahan yang diperkatakan serta fungsi sosial perlakuan bahasa.

Cara penyampaian merujuk pada jenis-jenis bahasa yang digunakan seperti bentuk lisan, tulisan, isyarat ataupun sebagainya. Bahasa tulisan misalnya dapat mewujudkan ratusan variasi seperti laras ucapan, laporan, ilmiah dan sebagainya. Perkara-perkara ini berkaitan pula dengan faktor-faktor seperti siapa yang menulis, kepada siapa tulisan tersebut ditulis ataupun ditujukan, dan tulisan tersebut tentang apa. Latar belakang seseorang penulis juga boleh menyebabkan perbezaan pada cara penghasilan sesuatu laras itu.

Perhubungan sosial dan peribadi ialah hubungan yang wujud antara seseorang dan satu sama lain yang terdapat dalam sesuatu peristiwa bahasa yang berlangsung. Dalam hal ini terdapat dua aspek yang berkaitan, iaitu yang melibatkan hubungan peribadi dan yang keduanya hubungan yang tidak rasmi ataupun bersifat formal. Bahan yang diperkatakan ialah isi yang diperkatakan atau dibincangkan dalam sesuatu peristiwa bahasa yang berlangsung. Bahan boleh melibatkan isi-isi yang biasa dalam kehidupan seharian sehingga pada bidang-bidang yang lebih khusus sifatnya seperti bidang sains dan teknologi. Pendek kata, isi-isi yang diperkatakan dalam peristiwa bahasa merupakan bahan dalam sesuatu laras. Setiap bahan mempunyai perbezaan yang berlainan antara satu sama lain dan bergantung pada perkara yang diperkatakan oleh pemeran. Fungsi sosial perlakuan bahasa pula melibatkan fungsi sosial dan juga perlakuan bahasa. Kedua-dua frasa ini mempunyai hubungan yang erat dan saling berkaitan antara satu sama lain. Fungsi sosial ialah bentuk-bentuk majlis ataupun upacara yang berupa amalan anggota sesebuah masyarakat dan diiktiraf oleh mereka sebagai penting dan menjadi amalan budaya hidup masyarakat berkenaan.

Jadual 2: Contoh penyampaian laman *Facebook* Polis Daerah Penampang bersifat tidak formal dan santai.

#### 1) AWAS ANDA DIPERHATIKAN

Isu penutupan ‘laluan-laluan tikus’ dan pusingan ‘U’ menjadi topik hangat di Page Rasmi Polis Daerah Penampang untuk minggu ini. Walaupun pelbagai ‘taktik pembolosan’ cuba dilakukan namun segera ‘dihidu’ oleh barisan frontliners Polis Penampang.

Admin up kan klip khas untuk tatapan followers-followers page Polis Daerah Penampang, sebagai iktibar dan dijadikan pedoman untuk tidak melanggar undang-undang yang telah dikuatkuasakan. Jangan kata Admin ndak pesan, ingat anda diperhatikan

2)“Tuan... buli tahan juga ko edit ni video..yang ngam ngam..Oh No... Oh no..oh no..no ngam ngam gambar tu karita warna Biru langgar tu baricade.. laaa Tuan.....  
\*\*Tapi tuan..saya masih yakin rasa tu sayur dan ikan di KK ada lain siikitt dari yang di Donggongan...”

“Champion kan? Admin kan serba boleh, janji itu mesej sampai kepada masyarakat supaya ‘jangan ada yg bongtingal mau langgar peraturan”

3)Selamat pagi, Kopivosian sarapan apa kamurang itu? Sambil minum kopi admin akan sajikan bahan-bahan menarik. Jadi stay tuned kio.

**4)PETUGAS SJR BERHADAPAN DETIK CEMAS AKIBAT HUJAN LEBAT DAN ANGIN KENCANG**

Penampang, 5 Jun 2021 - Ketua Polis Daerah Penampang, DSP Mohd Haris Hj Ibrahim dan beberapa team petugas di salah satu lokasi sekatkan jalan raya (SJR) berhadapan detik cemas apabila payung khemah penugasan hampir diterbangkan oleh angin kencang berserta hujan lebat di sini, ketika beliau melawat petugas di lapangan lewat petang tadi. Cabaran penugasan dalam tempoh masa yang panjang dan berhadapan dengan situasi cuaca yang tidak menantu merupakan asam garam yang dilalui oleh team - team petugas barisan hadapan di empat lokasi SJR dan tiga pos kawalan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Putatan dan Penampang.

Hargailah penat lelah pasukan petugas barisan hadapan kita dengan mematuhi SOP PKP 3.0 yang telah ditetapkan, elakkan keluar rumah jika tiada keperluan mendesak.

**5)RECAP INTISARI BERITA MINGGUAN POLIS DAERAH PENAMPANG INDIVIDU BERJOGGING, BERBASIKAL DI LUAR KAWASAN KEJIRANAN DIKOMPAUN**

Penampang, 5 Jun 2021 - Aktiviti jogging dan berbasikal di luar kawasan kejiran antara sembilan individu yang dikompaun atas kesalahan melanggar prosedur operasi standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 di daerah ini.

7)Good morning, selamat pagi, kopivision follower-follower page polis daerah Penampang. Apa aktiviti kamurang ini hari? Bah admin kongsikan sebentara saja lagi sorotan berita mingguan polis Penampang kio. Stay tuned semua, have a great day

8)“Terima Kasih. Boleh bah bergabung”

“MKN TATAP IDOL! Salam dari seluruh warga IPD Penampang. Jadi Admin, eksklusif di Page Polis Penampang ni, sepatah dua kata buat ‘pembolos tegar’ yang suka buat onar kasih alih kon ni”

**9)AMANITA IPD PENAMPANG CETUS INISIATIF “INFO ON WHEELS”  
HEBAHAN KEPADA MASYARAKAT MENGENAI SOP PKP 3.0 DAN PROGRAM  
IMUNISASI KEBANGSAAN**

Penampang, 4 Jun 2021 - Aman Wanita atau Peace lady (AMANITA) merupakan elemen yang terletak di bawah Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPJKK) yang befungsi untuk menjalankan hubungan dengan masyarakat terutamanya suri rumah. AMANITA IPD Penampang telah mengambil inisiatif dengan membuat program “Info On Wheels” membuat hebahans secara bergerak menggunakan sistem pembesar suara yang terdapat di dalam Unit Kereta Peronda (MPV) mengenai SOP Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 dan Program Imunisasi Kebangsaan - Vaksin Covid-19. Hebahans ini telah dilakukan di kawasan tumpuan orang awam seperti pasar awam dan pasaraya serta taman perumahan.

AMANITA IPD Penampang juga mengambil pendekatan untuk bertemu secara bersemuka atau “Meet and Greet” bersama suri rumah di kawasan kediaman dengan mengambil kira SOP Covid-19.

Program ini antara lainnya untuk mendidik masyarakat dan sentiasa menjaga SOP yang telah ditetapkan bagi mengelak penularan Covid-19 berikutan peningkatan kes semasa yang dilaporkan.

Program yang diketuai oleh Ketua AMANITA IPD Penampang, Inspektor Arisanti Aziz bersama ahli AMANITA yang lain telah mensasarkan beberapa lokasi untuk tujuan program iaitu di Taman Perumahan Donggongan, Taman Beverly Hills, Plaza 333 dan Pasaraya Survey Putatan.

**10)PESURUHJAYA POLIS SABAH LAWAT PETUGAS DI LOKASI SEKATAN  
JALAN RAYA**

Penampang, 03 Jun 2021 - Komisioner Polis Datuk Hazani Ghazali, Pesuruhjaya Polis Sabah mengadakan lawatan ke lokasi sekatan jalan raya (SJR) dalam kawasan pentadbiran IPD Penampang iaitu Jalan Penampang ByPass, Penampang - Kota Kinabalu.

Semasa lawatan turut dihadiri DSP Mohd Haris Hj Ibrahim, Ketua Polis Daerah Penampang memberi taklimat berkenaan situasi semasa penugasan.

**11)“Terima kasih Tuan DSP Haris Hj Ibrahim dan semua pasukan petugas di KDCA sempena Kaamatan 2021...Kotobian Tadau Tagayo do Kaamatan”**

“Salam Hormat YBhg. Datuk, sekalung penghargaan juga diucapkan kepada team penganjur kerana memberikan kerjasama sepenuhnya sepanjang program tadi. Kotobian Tadau Tagazo Do Kaamatan YBhg. Datuk”

**12)MASYARAKAT PENAMPANG & PUTATAN JANGAN “PANIC BUYING”**  
Hasil pemantauan team-team Pemantau IPD Penampang mendapati, pasaraya sekitar Putatan dan Penampang sesak sejak pengumuman rasmi oleh YAB Perdana Menteri mengenai perlaksanaan “Total Lockdown” bermula 1 Jun sehingga 14 Jun 2021 ini. Hentikan pembelian panik atau “panic buying”, anda masih boleh keluar membeli keperluan harian kerana pasaraya dan kedai barang keperluan masih dibuka seperti biasa.

Apa yang kita perlu elakkan adalah berada di tempat yang padat kerana wabak Covid-19 pantas merebak di tempat-tempat yang sesak sebaliknya rancang perbelanjaan anda dan jadilah masyarakat yang bijak.

Bak kata orang Sabah “Rileks bah, tenang dan santai di posisi bosku”

Berdasarkan jadual.2, kajian mendapati bahawa cara penyampaian yang digunakan oleh pentadbir laman *Facebook* Polis Daerah Penampang tersebut kebanyakannya adalah secara tidak formal dan santai. Hal ini dilihat seperti lebih mesra pengguna dan tidak terlalu rasmi. Sekiranya dilihat daripada data di dalam jadual tersebut, pentadbir merupakan anggota polis yang tinggal di sekitar daerah Penampang juga. Terdapat beberapa *posting* yang menggunakan dialek Sabah seperti ketika ingin berinteraksi bersama pengikut-pengikut laman tersebut. Terdapat juga bahasa Inggeris digunakan di dalam satu ayat membuktikan bahawa perbualan tersebut adalah tidak rasmi dan tidak formal. Berikut adalah contoh yang diambil daripada data :

Kamurang = kamu semua	Tatap = tetap
Kio = kita	Rileks = bawa bertenang
Good morning = selamat pagi	Bulih = boleh
Kopivosian = apa khabar semua	Bolat = bulat

Seterusnya, dari segi perhubungan sosial dan peribadi pula, terdapat perbezaan yang boleh dilihat daripada interaksi antara pentadbir dengan rakyat biasa, serta pentadbir laman dengan orang atasan seperti menteri dan sebagainya. Laras bahasa yang digunakan pentadbir ketika berkomunikasi dengan rakyat biasa adalah lebih santai dan tidak formal. Seperti yang kita tahu, Bahasa menjadi alat komunikasi yang paling berkesan dalam memastikan proses komunikasi berjalan dengan baik. Oleh itu, bahasa merupakan saluran untuk merumuskan sesuatu maksud, melahirkan perasaan dan membolehkan kita mewujudkan kerjasama yang mewujudkan pelbagai aktiviti, merancang dan mengatur masa depan (Gorys Keraf 1997: 4). Semasa menggunakan bahasa sebagai alat komunikasi, kita sudah memiliki tujuan tertentu antaranya ingin difahami oleh orang lain (Sumarsono 2004: 143). Oleh itu dalam berkomunikasi, kita mempertimbangkan bahasa apa yang ingin digunakan. Di sini, laras bahasa sangat memainkan peranan yang penting ketika ingin membuat pemilihan bahasa yang sesuai untuk digunakan mengikut situasi dan keadaan semasa. Oleh itu, ketika berkomunikasi dengan rakyat biasa, pentadbir laman *Facebook* tersebut menggunakan laras bahasa yang tidak formal dan lebih santai kerana tidak wujud perbezaan status dan jarak umur ketika berkomunikasi.

Selain itu, terdapat juga leksikal yang hanya difahami oleh orang berpendidikan tetapi tidak dapat difahami oleh orang lain. Berbeza pula apabila berkomunikasi dengan menteri yang mempunyai status yang lebih tinggi, pentadbir menggunakan bahasa yang formal dan lebih sopan. Hal ini adalah untuk menunjukkan perbezaan status dan jarak umur supaya tidak timbul rasa kurang ajar ketika ingin berkomunikasi dengan mereka. Berikut adalah beberapa contoh yang diambil daripada data :

Perbualan formal antara pentadbir laman Facebook daerah Penampang dan menteri kawasan Sabah	Menteri : “Terima kasih Tuan DSP Haris Hj Ibrahim dan semua pasukan petugas di KDCA sempena Kaamatan 2021...Kotobian Tadau Tagayo do Kaamatan”  Pentadbir : “Salam Hormat YBhg. Datuk, sekalung penghargaan juga diucapkan kepada team penganjur
---------------------------------------------------------------------------------------------	--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

	kerana memberikan kerjasama sepenuhnya sepanjang program tadi. Kotobian Tadau Tagazo Do Kaamatan YBhg. Datuk”
Perbualan tidak formal antara pentadbir laman Facebook daerah Penampang dan rakyat biasa	Rakyat biasa: “Tuan... buli tahan juga ko edit ni video.yang ngam ngam..Oh No... Oh no..oh no..no ngam ngam gambar tu karita warna Biru langgar tu baricade.. laaa Tuan.....Tapi tuan..saya masih yakin rasa tu sayur dan ikan di KK ada lain siikitt dari yang di Donggongan...” Pentadbir : “Champion kan? Admin kan serba boleh, janji itu mesej sampai kepada masyarakat supaya ‘jangan ada yg bongtingal mau langgar peraturan’

Seterusnya, bahan yang diperkatakan di dalam laman *Facebook* Polis Daerah Penampang di sini banyak memaparkan tentang isu-isu terkini yang berlaku di Penampang. Ia juga banyak memuatnaik maklumat tentang *Covid-19* serta nasihat tentang langkah-langkah keselamatan yang perlu diambil bagi menentang virus *Covid-19*. Laras bahasa yang digunakan kurang mementingkan gaya atau nahu. Bahasa yang digunakan sangatlah mudah kerana sesuai dengan pembaca yang datang dari setiap lapisan golongan. Isi yang disampaikan tepat dan padat supaya penyampaian maklumat berkesan. Bahasa yang digunakan bersahaja dan bersifat melaporkan sesuatu peristiwa yang berlaku. Bahasanya juga ringkas dan mengandungi berita yang maksimum untuk dipaparkan kepada pembaca dan penonton.

Selain itu, dari segi fungsi sosial dan lakuan bahasa pula, terdapat beberapa *posting* yang dimuat naik oleh pentadbir laman *Facebook* tersebut yang berkaitan dengan hari-hari perayaan istimewa yang disambut oleh masyarakat kaum Sabah khususnya Penampang. Seperti yang kita sedia maklum, bahasa menjadi perantaraan bagi masyarakat di Malaysia untuk mengekalkan kesejahteraan dan hidup di muka bumi yang sama tanpa wujudnya salah faham dan sikap mementingkan diri sendiri dan kaum masing-masing sahaja. oleh hal demikian, pentadbir sangat menjaga lakuan bahasa dan laras bahasa ketika menulis laporan dan berita dalam laman *Facebook* tersebut. Hal ini kerana, pemahaman terhadap sesuatu bahasa pertuturan adalah sangat penting bagi menjamin intipati perbualan dapat difahami dengan jelas. Penggunaan laras bahasa yang berbeza dapat mewujudkan sikap prasangka di mana maksud sebenar perbualan tidak dapat difahami.

Isu mengenai sekatan jalan raya di Penampang	1) Isu penutupan ‘laluan-laluan tikus’ dan pusingan ‘U’ menjadi topik hangat di Page Rasmi Polis Daerah Penampang untuk minggu ini. Walaupun pelbagai ‘taktik pembolosan’ cuba dilakukan namun segera ‘dihidu’ oleh barisan frontliners Polis Penampang.
	2) Penampang, 5 Jun 2021 - Ketua Polis Daerah Penampang, DSP Mohd Haris Hj Ibrahim dan beberapa team petugas di salah satu lokasi sekatan jalan raya

	(SJR) berhadapan detik cemas apabila payung khemah penugasan hampir diterbangkan oleh angin kencang berserta hujan lebat di sini, ketika beliau melawat petugas di lapangan lewat petang tadi.
	3) Penampang, 03 Jun 2021 - Komisioner Polis Datuk Hazani Ghazali, Pesuruhjaya Polis Sabah mengadakan lawatan ke lokasi sekatan jalan raya (SJR) dalam kawasan pentadbiran IPD Penampang iaitu Jalan Penampang ByPass, Penampang - Kota Kinabalu. Semasa lawatan turut dihadiri DSP Mohd Haris Hj Ibrahim, Ketua Polis Daerah Penampang memberi taklimat berkenaan situasi semasa penugasan.
Isu mengenai penjagaan SOP	Penampang, 5 Jun 2021 - Aktiviti jogging dan berbasikal di luar kawasan kejiran antara sembilan individu yang dikompaun atas kesalahan melanggar prosedur operasi standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 di daerah ini.

## 5. Rumusan Kajian

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, aspek linguistik iaitu laras bahasa yang terdapat dalam laman *Facebook* Polis Daerah Penampang telah dapat dikumpulkan mengikut kesesuaian objektif-objektif yang dilakukan. Objektif pertama dalam kajian ini telah berjaya dicapai. Objektif tersebut ialah mengenal pasti laras bahasa yang digunakan dalam laman *Facebook* Polis Daerah Penampang berdasarkan teori Ure & Ellis. Terdapat dua laras yang digunakan dalam laman *Facebook* Polis Daerah Penampang ini. Hal ini kerana laras bahasa yang digunakan oleh pentadbir laman tersebut adalah mengikut kesesuaian *posting* yang ingin ditulis dan disampaikan. Pertamanya ialah laras biasa, laras ini digunakan apabila ingin menyatakan sesuatu secara tidak formal. Laras ini juga digunakan sekiranya perkara yang dinyatakan adalah dalam bentuk tidak rasmi. Perkataan-perkataan yang digunakan juga ringkas dan tidak mementingkan tatabahasa yang betul. Penyampaiannya juga kelihatan agak santai dan mesra. Oleh hal yang demikian, pembaca boleh merasakan bahawa jarak mereka dengan pentadbir sangat dekat kerana balasan di ruangan komen yang dilakukan oleh pentadbir laman dengan pengikut-pengikutnya juga sangat ringkas dan mesra. Beliau juga menggunakan dialek Sabah ketika berinteraksi untuk menunjukkan latar belakang sosial yang sama.

Selain itu, laras bahasa yang terdapat dalam laman ini ialah laras berita. Laras ini digunakan bertujuan untuk menyampaikan maklumat serta informasi yang berkaitan dengan daerah Penampang. Banyak di antara maklumat yang disampaikan adalah mengenai *Covid-19*. Laras ini menggunakan perkataan yang formal dan mementingkan tatabahasa yang tepat. Hal ini adalah untuk memastikan keberkesanan maklumat supaya pembaca jelas dengan apa yang telah disampaikan.

Hasil dapatan daripada kajian ini juga telah berjaya membuatkan objektif kedua tercapai. Objektif kedua bagi kajian ini ialah mengklasifikasikan ciri keperihal berdasarkan teori Ure & Ellis dalam laman *Facebook* Polis Daerah Penampang. Melalui dapatan yang

telah diperoleh, kedua-dua ciri keperihal iaitu luaran dan persekitaran boleh dikenal pasti dalam laman ini. Seperti yang diketahui, Penampang merupakan salah satu daerah yang terdapat di negeri Sabah. Masyarakat mereka terkenal dengan etnik yang pelbagai. Bahasa yang digunakan adalah bergantung kepada etnik masing-masing sebagai contoh bahasa Kadazan, bahasa Bajau dan banyak lagi. Namun begitu, bahasa Melayu standard juga sangat penting bagi masyarakat daerah Penampang. Mereka menggunakan bahasa Melayu standard dalam hal-hal rasmi atau melibatkan sesuatu yang lebih formal dan sopan.

## 6. Kesimpulan

Kajian analisis laras bahasa ini hanya dijalankan dan dikaji di dalam laman *Facebook* Polis Daerah Penampang sahaja. Laras ini hanya memfokuskan dari segi berita mengenai isu semasa dan juga kes-kes jenayah yang terdapat di daerah Penampang. Laman ini juga banyak memuatnaik informasi mengenai hal-hal terkini berkaitan dengan kes *Covid-19*. Namun begitu, skop yang dipilih memadai bagi kajian mengenai laras bahasa. Kajian ini merupakan kajian mengenai masyarakat di daerah Penampang, Sabah. Justeru, Laras bahasa yang digunakan adalah laras umum dan juga berita. Penggunaan dialek serta bahasa Melayu standard juga didapati di dalam laman *Facebook* Polis Daerah Penampang ini mengikut situasi, latar belakang, dan dengan siapa mereka berinteraksi. Penggabungan aliran penggunaan dialek serta Bahasa Melayu standar berupaya mewujudkan keunikan kepada *facebook* Polis Daerah Penampang. Dalam keadaan santai, penggunaan dialek akan digunakan, manakala pagi informasi yang dipetik daripada siaran langsung akan menggunakan bahasa standard.

## Rujukan

- Ab.Razak Ab. Karim. (2008). *Kepelbagaian Laras Bahasa Melayu*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Halliday M. A. K., J. A. (t.t). *Reading In The Sociology Of Language, The Users And Uses Of Language*. The Hague: Mountan.
- John Lyons. (1932). *Bahasa dan Linguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamaruddin Haji Husin.(1995). *Laras Bahasa*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sd. Bhd.
- Kamus Dewan (edisi keempat)*. (1998). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Shahremy Ikmal Shahbudin. (2020). Kepanikan Pengguna Media Sosial Terhadap Virus COVID-19. *Journal of Malay Language, Education and Literature* Jilid 11 Edisi Khas: 1-10.
- Mokmin Basri. (2012). Bab 4: *Kaedah Kajian*. Selangor International Islamic University College (KUIS), Bangi.
- Nik Hassan Basrin Nik Ab. Kadir. (2009). *Teori Bahasa: Implikasinya Terhadap Pengajaran Tatabahasa*. Tanjung Malim: Penerbit UniversitiPendidikan Sultan Idris.
- Nik Safiah Karim. (1989). *Laras Bahasa*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa dan Abdul Hamid Mahmood, (2011). *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Intan Suria Hamzah & Fatimahwati Hamzah. (2020). Covid-19 dan Keterancaman Keselamatan di Seluruh Dunia: Satu Tinjauan Awal. *Prosiding Perangkuman dan Penyisihan Sosial dalam Revolusi Industri ke-4*, hlm. 522-532.

